

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 29.10.2014

SOALAN :

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) jumlah guru sekolah rendah dan sekolah menengah tetap (mengikut pecahan setiap negeri), dan juga guru sementara dalam negara ini (mengikut pecahan setiap negeri) dengan mengikut kategori jenis aliran sekolah dan juga subjek pengajaran; dan
- (b) bilangan jawatan kosong guru di sekolah yang masih belum diisi, khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) mengikut pecahan setiap negeri dan langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di -Pertua,

- a) Jumlah guru sekolah rendah harian adalah seramai 236,746 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan guru bagi negeri Johor (27,282), Kedah (17,439), Kelantan (16,607), Melaka (7,348), Negeri Sembilan (9,710), Pahang (14,748), Perak (22,070), Perlis (2,392), Pulau Pinang (10,805), Sabah (25,464), Sarawak

(25,482), Selangor (34,265), Terengganu (12,017), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (9,519), Wilayah Persekutuan Labuan (758) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (840).

Manakala jumlah guru sekolah menengah harian adalah seramai 160,469 orang. Jumlah tersebut meliputi guru negeri Johor (19,041), Kedah (12,230), Kelantan (11,383), Melaka (5,272), Negeri Sembilan (6,454), Pahang (10,022), Perak (15,935), Perlis (1,767), Pulau Pinang (8,337), Sabah (14,705), Sarawak (14,429), Selangor (24,081), Terengganu (7,936), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (7,731), Wilayah Persekutuan Labuan (531) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (619).

- b) Bagi bilangan jawatan kosong guru di Sekolah Rendah Harian adalah seramai 1,566 orang. Perincian bilangan jawatan kosong guru mengikut negeri adalah Johor (231), Kedah (447), Kelantan (373), Melaka (60), Negeri Sembilan (112), Pahang (133), Perak (314), Perlis (127), Pulau Pinang (9), Sabah (62), Sarawak (777), Selangor (760), Terengganu (158), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (119), Wilayah Persekutuan Labuan (22) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (16).

Bilangan jawatan kosong guru di Sekolah Menengah Harian pula adalah seramai 308 orang. Bilangan jawatan kosong guru mengikut negeri adalah Johor (89), Kedah (83), Kelantan (104), Melaka (1), Negeri Sembilan (66), Pahang (141), Perak (1), Perlis (20), Pulau Pinang (20), Sabah (160), Sarawak (86), Selangor (16), Terengganu (62), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (55),

Wilayah Persekutuan Labuan (15) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (23).

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, langkah-langkah KPM untuk menangani masalah ini antaranya ialah dengan menambah pengambilan calon guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) untuk dilatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) serta mengambil guru interim terlatih.